

USIM terima 50 pelajar sulung Kolej Permata Insan

KUMPULAN pertama pelajar Pusat Permata Insan yang mendaftar di Universiti Sains Islam Malaysia di Nilai baru-baru.

PUSAT Permata Insan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menerima kumpulan sulung 50 orang pelajar yang akan mengikuti pengajian peringkat menengah Asas 1 (Tingkatan 1) di pusat berkenaan.

Kumpulan pertama itu terdiri daripada 30 pelajar lelaki dan 20 perempuan yang dipilih dari seluruh negara.

Selepas sesi pendaftaran pada 17 Januari lalu, semua pelajar berkenaan mengikuti program orientasi khas selama empat hari bermula 17 hingga 20 Januari lalu.

Sebahagian besar pelajar tersebut pernah mengikuti Program Permata Insan (permata) yang dilancarkan secara rasminya oleh Penaung program tersebut, Datin Seri Rosmah Mansor.

Menurut Pengarah Pusat Permata Insan, Prof. Datuk Dr. Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim, matlamat Permata Insan adalah untuk menjana cendekiawan Islam dalam

kalangan anak-anak Islam yang boleh dibanggakan.

"Justeru, pada tahun 2010 penaung Permata melihat potensi yang amat baik untuk USIM membangunkan program anak-anak IQ tinggi.

"Kami bersetuju dengan pandangan pakar-pakar rujuk bahawa untuk menjana anak-anak ini, ia haruslah dimulakan seawal usia lapan tahun yang mana pada peringkat ini anak-anak sudah boleh membaca, mampu menunjukkan kebolehan dan berkeupayaan serta perkembangan positif dari segi pergaulan dengan persekitaran bersama rakan-rakan sebaya.

"Melalui cara ini, barulah kita dapat melihat hasil dan perkembangan positif yang berlaku pada anak-anak pada masa akan datang," katanya.

Program Permata Insan yang diamankan kepada USIM untuk dilaksanakan ini merupakan

kesinambungan dan perluasan daripada Program Permata yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Perdana Menteri seperti Permata Negara, Permata Pintar dan Permata Seni. Program ini merupakan strategi menjana cendekiawan Islam dari bakat anak-anak kecil pintar dari seluruh Malaysia seawal usia lapan tahun.

Program Permata Insan ini juga dirancang bagi memartabatkan al-Quran dan As-Sunnah sebagai panduan dan amalan kehidupan seharian serta merupakan satu usaha yang khusus untuk melahirkan Muslim Nobel Laureates dan Future Leaders yang berpersonaliti Al-Abrar (Noble) dalam bidang sains dan teknologi serta mampu mengintegrasikan ilmu Naqli dan Aqli.

Pembangunan Kompleks Kolej Permata Insan di atas tanah seluas 4.9 hektar berdekatan bangunan Fakulti Syariah dan Undang-undang (FSU) USIM dan menghadap tasik

ini berkonsepkan sekolah dalam kampus, menawarkan pendidikan kepada pelajar pintar Islam dan berbakat dari Asas Tingkatan 1 hingga 5.

Pembinaannya di dalam kampus USIM membolehkan para pelajar berinteraksi dan mempercepatkan proses kematangan dan pembelajaran dalam usaha melahirkan para saintis, teknokrat, penyelidik, cendekiawan dan profesional Islam yang boleh dibanggakan.

Penyediaan prasarana yang sesuai menjadi keutamaan bagi membolehkan mereka mendapat pembelajaran yang lebih terkehadapan serta mencabar dan menepati aras kesukaran yang sesuai dengan kemampuan mental mereka.

Melaluinya, para pelajar dapat mengembangkan potensi minda dan bakat dalam suasana pembelajaran dan penyelidikan yang kondusif.

- NEWS.USIM.EDU.MY